



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Memperbadankan) (Pindaan) Lembaga Pemulehan dan
Penyatuan Tanah Negara 1971**

DR.82/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966.

[1hb Mei, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Memperbadankan) (Pindaan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1971, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mei, 1971.

Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 ada-lah dengan ini di-pinda mengikut chara yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini.

Pindaan. 22/66.

JADUAL

1. Sekshen 2 (3) (1) Gantikan perkataan "Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama" yang terdapat dalam perenggan (c) dengan perkataan "Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar";
- (2) Potong perkataan "dan" yang terdapat di-hujung perenggan (c);
- (3) Gantikan perenggan (d) dengan yang berikut—
- "(d) Ketua Pengarah Lembaga yang di-lantek di-bawah sekshen 5b; dan
- (e) tidak lebih daripada dua belas orang ahli lain yang di-lantek oleh Menteri, tiga orang daripada-nya hendak-lah di-namakan oleh Majlis Tanah Negara bagi mewakili Kerajaan² Negeri² Tanah Melayu.".

2. Sekshen 2 (4) Masokkan perkataan “atau oleh kerana apa² sebab yang lain” sa-lepas sahaja perkataan “sementara” yang terdapat di-hujung sekshen-kechil ini.
3. Sekshen 4 ... Nomborkan sa-mula sekshen 4 yang sedia ada sa-bagai sekshen 4 (1) dan masokkan dalam-nya sekshen-kechil (2) baharu yang berikut—
 “(2) Walau apa pun peruntokan sekshen-kechil (1), Lembaga boleh menjalankan apa² tugas lain dan mentadbirkan dan membelanjakan apa² wang lain bagi apa² maksud mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana² Negeri Tanah Melayu dan pada melakukan yang demikian Lembaga hendak-lah di-sifatkan sa-bagai melaksanakan maksud² Akta ini dan peruntokan² Akta ini hendak-lah di-pakai bagi Lembaga berkenaan dengan tugas² itu, pentadbiran dan pembelanjaan wang itu.”
4. Sekshen 5 (2) Gantikan perkataan “tanah” yang terdapat dalam perenggan (d) dengan perkataan “pembangunan negara dan luar bandar”.
5. Sekshen 5A ... Gantikan sekshen 5A dengan yang berikut—
 “Kuasai² dan kewajiban² Pengerusi. 5A. Pengerusi hendak-lah menjalankan penyeliaan dan pengawalan atas perbuatan dan perjalanan Lembaga dalam perkara² mengenai dasar am.”
6. Sekshen 5B ... Masokkan sekshen 5B baharu yang berikut—
 “Perlantikan Ketua Pengarah. 5B. (1) Bagi menjalankan tugas² Lembaga, Menteri boleh melantek sa-orang yang sesuai untuk menjadi Ketua Pengarah Lembaga yang akan bertanggungjawab atas perkara² pentadbiran dan atas perkara² mengenai akaun dan rekod Lembaga dan, tertaklok kepada apa² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen 13 Akta ini, atas perkara² berhubung dengan perkhidmatan, gaji, keistimewaan dan elaun semua pegawai dan penjawat Lembaga.
 (2) Menteri boleh melantek sa-orang untuk menjadi Ketua Pengarah sementara dalam masa Ketua Pengarah tidak berupaya bagi sementara kerana sakit atau sa-masa Ketua Pengarah tidak ada bagi sementara dalam Negeri² Tanah Melayu atau oleh kerana apa² sebab yang lain.”
7. Sekshen 14 ... Gantikan perkataan “tanah” yang terdapat di-bawah taarif perkataan “Menteri” dengan perkataan “pembangunan negara dan luar bandar”.

5. Section 7—

Substitute the word “five” for the word “eight” appearing in the second line of subsection (1).

6. Section 15—

(a) Substitute a full-stop for the colon appearing after the word “Director-General” in the seventh line of subsection (1);

(b) Delete the proviso to subsection (1); and

(c) Delete subsection (2).

7. Section 26—

(a) Immediately after subsection (d) insert the following—

“(e) providing procedure for the control and management of the Fund established under section 16 of this Ordinance;”
and

(d) Re-number the existing paragraph (e) as paragraph (f).

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend certain provisions of the Dewan Bahasa dan Pustaka Ordinance, 1959.

2. By amending section 4, the Board is re-constituted so as to include the Secretary-General of the Ministry of Education, Director-General of Education, a member to be appointed by the Conference of Rulers and ten other persons to be appointed by the Minister who is now given a wider discretion in the appointment.

3. Paragraph (v) of section 5 is deleted as it has achieved the purpose and moreover the object is already covered by paragraph (i).

4. The insertion of new section 5A is to spell out clearly the duties and powers of the Board and is to give the Board power to delegate any of its powers under the Ordinance.

5. By amending section 7, the quorum is now reduced to five.

6. The proviso to section 15 (1) is considered no longer necessary in view of the powers of the Board to delegate under the new section 5A (2).

7. Amendment to section 26 is to give power to the Board, with the approval of the Minister, to make regulation relating to procedure for the control and management of the Dewan Bahasa dan Pustaka Fund.

8. Amendments to sections 2 and 15 (2) are consequential.

[P.N. (U²) 223.]

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 bagi maksud² yang berikut—

Butiran 1 dalam
Jadual Ketua Pengarah Lembaga yang di-lantek di-bawah seksyen 5B baharu (*lihat* di-bawah ini) ada-lah menjadi sa-orang ahli Lembaga. Bilangan ahli² lain yang boleh di-lantek di-bawah seksyen 2 (3) (*d*) yang sedia ada ada-lah di-tambah dari sembilan menjadi dua belas.

Butiran 2 dalam
Jadual Memberikuasa kapada Menteri untuk melantek sa-orang Pengerusi sementara atau ahli lain sementara bagi Lembaga dalam masa Pengerusi atau mana² ahli lain, oleh kerana apa² sebab, lain daripada sebab² oleh kerana tidak berupaya bagi sementara kerana sakit atau tidak ada dalam Persekutuan bagi sementara.

Butiran 3 dalam
Jadual Tugas², lain daripada yang di-nyatakan dalam seksyen 4, boleh di-jalankan oleh Lembaga. Tugas² itu boleh di-tetapkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Butiran 5 dan 6
dalam Jadual Memberikuasa kapada Menteri untuk melantek sa-orang Ketua Pengarah Lembaga dengan mempunyai kuasa pemerintah penuh. Pengerusi akan bertanggungjawab atas dasar am sahaja.

Pindaan² yang lain itu ada-lah berbangkit dari pemindahan tanggungjawab kementerian bagi Lembaga ini kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. [PN. (U²) 167.]